



---

**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 5 TAHUN 2013**

---

**SYARAT TAMBAHAN LESEN PENGENDALI BAGI KELAS LESEN  
BAS BERHENTI-HENTI DI LEMBAH KLANG DAN SELANGOR**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**TARIKH: 14 JUN 2013**

## **SYARAT TAMBAHAN LESEN PENGENDALI BAGI KELAS LESEN BAS BERHENTI-HENTI DI LEMBAH KLANG DAN SELANGOR**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berhubung syarat tambahan kepada lesen pengendali bagi kelas kenderaan perkhidmatan awam bas berhenti-henti (“Lesen Pengendali Bas Berhenti-henti”) yang beroperasi di Lembah Klang dan Selangor.

### **LATAR BELAKANG**

2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) bertanggungjawab ke atas penambahbaikan sistem pengangkutan awam darat di negara ini. Penambahbaikan ini termasuklah dalam bentuk perancangan induk, infrastruktur, dasar dan pelesenan.
3. Sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, cekap, terancang, bersepadu dan mapan, S.P.A.D mempunyai fungsi untuk mengawalselia serta memantau, prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh semua

pengendali pengangkutan awam darat. perkhidmatan yang diberikan oleh semua pengendali pengangkutan awam darat.

4. Salah satu langkah yang diambil oleh S.P.A.D untuk memantau prestasi pengendali pengangkutan awam darat tersebut adalah melalui perlaksanaan *Performance Monitoring Hub System* (“PMhS”). Buat masa ini, PMhS digunakan untuk memantau prestasi pengendali bas berhenti-henti yang beroperasi di Lembah Klang dan Selangor.

5. Proses pemantauan ini dilaksanakan melalui sebuah alat yang dikenali sebagai *on-board unit* (“OBU”) yang berlandaskan *Global System for Mobile Communications* (“GSM”). Alat yang dipasang pada setiap kenderaan pengendali bas berhenti-henti berkenaan dapat memberikan maklumat lokasi dan prestasi kenderaan tersebut melalui *Global Positioning System* (“GPS”). Tanpa OBU ini, PMhS tidak akan dapat memantau pergerakan serta prestasi bas berhenti-henti tersebut.

## **KEPUTUSAN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

6. Pemasangan OBU adalah satu keperluan yang mesti dipenuhi oleh semua pengendali bas berhenti-henti yang beroperasi di Lembah Klang dan Selangor.

7. Oleh yang demikian, S.P.A.D memutuskan untuk menambah syarat khas baru Lesen Pengendali Bas Berhenti-henti di Lembah Klang dan Selangor seperti berikut:

**“Semua bas berhenti-henti yang beroperasi di Lembah Klang dan Selangor hendaklah dipasang dengan alat *on-board unit* (OBU) berlandaskan *Global System for Mobile Communications* (GSM) yang dapat menghantar maklumat lokasi melalui *Global Positioning System* (GPS) dan prestasi bas berhenti-henti ke *Performance Monitoring Hub System* (PMhS) S.P.A.D.”**

Syarat ini hendaklah dibaca bersama dan dijadikan syarat tambahan kepada syarat-syarat khas Lesen Pengendali Bas Berhenti-henti bermula 1 Januari 2014.

8. Adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 22(3) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 sekiranya pengendali berlesen gagal mematuhi syarat yang dikenakan pada lesen pengendali dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## **TEMPOH PEMATUHAN KEPERLUAN**

9. Semua pengendali bas berhenti-henti yang beroperasi di Lembah Klang dan Selangor adalah dikehendaki agar memasang OBU yang tersebut di atas **SEBELUM 31 Disember 2013**.

## **TARIKH KUATKUASA PEKELILING**

10. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 14 Jun 2013.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL)**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat